

PM: Jangan pentingkan kaum sendiri saja

OM 21 APR 1986

KUALA LUMPUR 20 April — **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** tidak mahu sesuatu kaum di negara ini mementingkan kaumnya sendiri sahaja seolah-olah hanya ada satu kaum di Malaysia kerana ini akan mengakibatkan kaum lain juga akan turut berbuat demikian.

Perdana Menteri yakin usaha membentuk bangsa Malaysia dan memelihara perpaduan antara kaum cuma da-

pat dicapai sekiranya setiap kaum memikirkan sama kepentingan orang lain dalam setiap tindakan mereka.

"Kadang-kadang ada sesuatu kaum yang mengambil tindakan semata-mata bagi kepentingan kaumnya sendiri dan bersikap mengeneikan akibat buruknya kepada kaum lain," katanya semasa merasmikan Konvensyen Pembangunan Bahasa Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan setiap kaum perlu sedar bahawa jika sesuatu tindakan yang diambil oleh mereka merugikan kaum lain, ini bermakna kesan buruk itu juga akan diasai oleh mereka sendiri.

"Bangsa Malaysia perlu dibentuk secara sedar oleh semua golongan rakyat dengan mengeneikan kepenting-

an kaum sendiri memandangkan bangsa Malaysia bukan terdiri daripada satu kaum sahaja tetapi meliputi berbagai keturunan yang mempunyai berbagai agama dan kebudayaan," ujarnya.

Perdana Menteri mengingatkan dalam kehidupan moden masakini, tidak ada seorangpun yang dapat mengasingkan diri daripada orang lain dan tidak ada kumpulan atau kesatuan yang boleh memulaukan diri daripada kumpulan lain dalam negara ini.

Oleh itu, usaha untuk membentuk bangsa Malaysia mestilah dibuat secara sedar atau secara sengaja kerana konsep bangsa Malaysia adalah sesuatu yang tiruan (artificial) dan bukannya semula jadi.

Konvensyen sehari ini adalah anjuran Jabatan Perdana Menteri yang disertai oleh kira-kira 1,500 orang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dari seluruh negara bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya perpaduan rakyat.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bagi negara berbilang kaum seperti Malaysia tidak akan dapat memuaskan hati semua kaum yang ada di dalamnya.

"Apa yang penting bagi kita ialah kita hidup di dalam negara yang aman dan damai walaupun kita tidak berpuas hati dalam setiap perkara," tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, di Malaysia, keadaan yang baik ialah bilamana semua kaum di negara ini tidak berpuas hati kerana kalau terdapat satu kaum yang berpuas hati ini bermakna bahawa telah berlaku ketidakadilan.

"Sekiranya semua kaum tidak berpuas hati, ini bermakna bahawa kerajaan telah dapat mengimbangi layanannya terhadap kaum-kaum yang ada," katanya.

Perdana Menteri mengingatkan supaya rakyat menerima hakikat bahawa mereka tidak akan dapat menerima semua yang me-

PM: Jangan pentingkan kaum sendiri saja

UM 21 APR 1986

reka minta dan jangan menjadikan ini sebagai asas untuk tidak berpuas hati.

Mengenai perpaduan kaum, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, negara ini aman dan damai kerana sejak mencapai kemerdekaan lagi telah diberikan penekanan ke atas perpaduan kaum rakyat-

nya. Beliau menegaskan bahawa perpaduan kaum adalah penting dalam usaha kerajaan hendak membentuk bangsa Malaysia kerana pembentukan bangsa Malaysia akan menghasilkan pula sebuah negara yang aman di mana masing-masing kaum boleh bergerak dan mencari

naik dengan bebas.

Katanya, kerajaan telah lama berusaha dan memainkan peranannya membentuk bangsa Malaysia di mana melalui Jabatan Perpaduan Negara, kerajaan sentiasa mencari unsur-unsur yang sama di dalam kebudayaan dan bahasa.

Beliau membidas golongan tertentu yang menurutnya kadang-kadang cuma berkata di bibir inginkan perpaduan tetapi di hati mereka dan tindakan mereka tidak menunjukkan apa yang mere-

ka ucapkan.

Perdana Menteri juga menegur sikap sesetengah golongan terpelajar yang apabila berhujah cuba mengelirukan rakyat atau golongan yang kurang terpelajar berhubung dengan soal perpaduan.

"Kadang-kadang, kalangan muda-mudi di negara ini juga tidak ada usaha penyatuan kaum. Mereka ini telah dipengaruhi oleh golongan dewasa yang mempunyai kepentingan tertentu dan sengaja menimbulkan salah faham di kalangan kaum," katanya.